

PERINCIAN DEFINISI 'PEMBANGUNAN LESTARI' MENGUNAKAN KOD JAWI

DETAILS OF DEFINITION 'PEMBANGUNAN LESTARI' USING JAWI CODE

Nurul Syala binti Abdul Latip¹

Shahril Mohamad²

Noor Hafiz Kamaruddin²

Mohammad Hairi Rosman²

Nur Akma Basri²

Mohd Shahfez Sulaiman²

¹ Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: nurulsyala@usim.edu.my)

²Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin, Semenyih, Selangor. (Email: noor.hafiz@gmail.com)

Article history

Received date : 11-10-2022

Revised date : 12-10-2022

Accepted date : 5-12-2022

Published date : 10-12-2022

To cite this document:

Abdul Latip, N. S., Mohamad, S., Kamaruddin, N. H., Rosman, M. H., Basrii, N. A., & Sulaiman, M. S. (2022). Perincian Definisi 'Pembangunan Lestari' Menggunakan Kod Jawi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 143 - 150.

Abstrak: Pada tahun 2015, tujuh belas (17) Matlamat Pembangunan Lestari telah dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Berdasarkan matlamat ini, negara dunia perlu mengambil inisiatif untuk mencapai pembangunan lestari. Setelah hampir 7 tahun, pencapaian prestasi masih jauh. Banyak negara maju yang mungkin maju dari segi ekonominya dan penciptaan teknologi baru tetapi tidak seimbang dari aspek sosialnya. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk memahami apakah perincian makna yang terdapat pada perkataan 'pembangunan lestari' dengan menggunakan metodologi kualitatif dan menggunakan pendekatan aplikasi kod jawi dalam analisa kandungan. Kod Jawi adalah satu sistem permaknaan Bahasa Melayu yang terhasil dari kearifan local. Ia terdiri daripada huruf jawi yang mempunyai maksud khusus berdasarkan tema Surah di dalam Al-Quran. Melalui aplikasi Kod Jawi, ciri-ciri setiap perkataan 'pembangunan lestari' akan dapat diperincikan maknanya dengan lebih mendalam. Dapatan ini akan dapat membantu setiap orang atau organisasi yang terlibat dalam pembangunan memahami dengan lebih baik ciri-ciri sebenar yang perlu diberi tumpuan sehingga pembangunan lestari dapat dicapai dengan menyeluruh.

Kata kunci: Kod jawi, Pembangunan Lestari, Kearifan Lokal, Al-Quran,

Abstract: In the year 2015, seventeen (17) Sustainable Development Goals were launched by the United Nations. Based on these goals, the countries of the world need to take initiatives to achieve sustainable development. After almost 7 years, performance achievements are still a long way off. Many developed countries may be advanced in terms of their economy and the creation of new technologies but are not balanced in terms of social aspects. Therefore, the objective of this study is to understand the details of the meaning found in the word 'sustainable

development' by using qualitative methodology and using the Kod Jawi application approach in content analysis. Kod Jawi is a system of meaning in the Malay language that results from local wisdom. It consists of Jawi letters that have a specific meaning based on the theme of the Surah in the al-Quran. Through the Kod Jawi application, the characteristics of each word in 'sustainable development' will be able to detail its meaning in more depth. This finding will be able to help every person or organization involved in any development better understand the real characteristics that need to be focused on so that sustainable development can be achieved comprehensively.

Keyword: *Jawi Code, Sustainable Development, Local Wisdom, Al-Quran*

Pendahuluan

Tujuh belas (17) Matlamat Pembangunan Lestari telah dilancarkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) bagi mensasarkan pencapaian pada tahun 2030. Walau bagaimanapun, Zakri (2018) dan Ramos et al. (2018) mengkaji bahawa prestasi semua negara di dunia untuk mencapai matlamat menjelang 2030 adalah masih jauh untuk dicapai. Kemajuan paling lambat adalah pada matlamat kelestarian alam sekitar.

Sebagai contoh negara seperti Korea Selatan yang mempunyai sambungan internet pantas, teknologi tinggi dan mempunyai salah satu sistem kesihatan dan pendidikan terbaik di dunia berada pada peringkat ke-3 kadar bunuh diri tertinggi di dunia (World Population Review 2022.com). Manakala, Jepun yang terkenal dengan teknologi tinggi dan ekonomi yang berkembang pesat juga berada dalam 20 negara yang mempunyai kadar bunuh diri tertinggi di dunia. Kenapa ketidakseimbangan di antara sosial, ekonomi dan teknologi ini terjadi? Kini, sudah tiba masanya untuk kita merenungkan apa yang sebenarnya yang dimaksudkan dengan 'pembangunan lestari'? Objektif kajian ini bertujuan untuk memperincikan definisi 'pembangunan lestari' ini menggunakan Kod Jawi.

Tinjauan Literatur

Kod Jawi ini adalah satu sistem permaknaan Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Mohamed bin Abbas dari Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin (INSTAQLIM). Kod jawi ini telah didaftarkan hakcipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada tahun 2014 (CRLY00001967, 2014). Kod Jawi adalah salah satu kearifan lokal yang sedang diberi perhatian kerana potensinya dalam memartabatkan semula tulisan jawi ke tahap yang tinggi dalam penerokaan ilmu di era globalisasi (Nurul Syala, 2018).

Kod jawi ini seawalnya tercetus berdasarkan Surah Hud 11:1 (Al-Quran):

الرَّ كُتِبَ أُحْكَمَتْ ءَايَتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝

Yang bermaksud:

"Alif, Laam, Raa'. (Inilah) suatu kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci (satu-persatu), yang diturunkan dari sisi (Allah) Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuannya."

(Hud 11:1)

Daripada petunjuk ayat di atas,

- Allah menjamin bahawa **ayat-ayatnya** disusun dengan rapi,
- oleh itu, pasti **perkataan-perkataannya** di dalam ayat-ayat tersebut yang membentuk ayat juga disusun dengan rapi
- dan pasti perkataan yang terdiri dari **huruf-hurufnya** juga disusun dengan rapi dan akhirnya
- membentuk **surah-surahnya** yang disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci.

Setelah melalui proses tadabbur berulang untuk kesemua surah di dalam Al-Quran, pengkaji asal kod jawi nampak jelas bahawa terdapat keterkaitan dan keselarian antara susunan huruf dan tema surah di dalam Al-Quran yang akhirnya menghasilkan kod jawi. Ujicuba Kod Jawi ke atas pelbagai perkataan selama lebih 15 tahun mendapati keselarian di antara susunan huruf jawi dengan susunan surah di dalam Al-Quran itu tepat. Sistem pemaknaan yang diterapkan dalam Kod Jawi adalah berasaskan susunan rapi tema surah-surah di dalam Al-Quran dan susunan rapi setiap huruf jawi. Oleh yang demikian, setiap huruf jawi ada makna piawai yang terkait dengan tema utama surah di dalam Al-Quran. Dengan menggunakan kod jawi gabungan huruf membentuk perkataan ini akan mampu menjelaskan maksud sesuatu perkataan secara TERSURAT DAN TERSIRAT malah dapat membolehkan penerokaan ilmu dari Al-Quran dilaksanakan.

Sebagai contoh, aplikasi kod jawi kepada terjemahan Surah Al-Baqarah 2 ayat 261 di dalam Al-Quran telahpun berjaya menghasilkan produk kewangan Islam yang dikenali sebagai Skim Tabungan Ibadah Qurban Dalam Talian (STIQDAT) (CRDV00000066, 2016). STIQDAT telahpun melalui penilaian Jawatankuasa Syariah ANGKASA yang telah mengesahkan ia adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan Syariah. Ia kini telah mula digunakan oleh masyarakat ramai. Kod Jawi juga telah mula diaplikasikan di pelbagai bidang termasuk pengkajian manuskrip sebagai contoh Kajian Kandungan Batu Bersurat Terengganu yang juga telah didaftarkan hakcipta pada tahun 2018 (CRDV00000190, 2018).

Kod Jawi ini juga telah mula mendapat perhatian penyelidik dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dari pelbagai bidang ilmu. Beberapa universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sains Malaysia (USM), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS) dan Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTEM) telah mula membuat perjanjian persefahaman dengan INSTAQLIM untuk mengadakan kajian lanjut terhadap aplikasi kod jawi dalam pelbagai bidang ilmu. Pensyarah dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka telah memperoleh geran FRGS bagi kajian bidang Bahasa tentang perubahan pemaknaan perkataan bahasa arab yang diserap ke dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan kod jawi. Terkini, kajian semakin rentas tema kod jawi dengan kitab-kitab muktabbar sedang dilaksanakan oleh tim penyelidik di USIM. Para ilmuwan bahasa mula nampak potensi besar kod jawi dalam merelevankan semula tulisan jawi yang semakin tenat ke dalam penghidupan dan penyelidikan ilmiah. Malah Kod Jawi mempunyai potensi untuk memartabatkan semula tulisan jawi yang satu ketika dahulu pernah menjadi asas Lingua Franca. Perkongsian kepada awam tentang Kod Jawi ini di dalam wacana yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia juga telah memperoleh maklumbalas yang amat memberangsangkan ke atas kemampuan Kod Jawi dalam memberi pemaknaan kepada setiap perkataan dengan lebih terperinci dan rata-rata ingin memahami lanjut setelah melihat potensi kod jawi dapat membuka jalan kepada penerokaan dan perincian ilmu baru. Objektif utama

kertas kerja ini adalah untuk memperincikan terma ‘pembangunan lestari’ menggunakan kod jawi bagi merungkai intipati yang terdapat di dalamnya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisa kandungan menggunakan teknik aplikasi Kod Jawi bagi memperincikan setiap huruf yang terdapat di dalam perkataan ‘pembangunan lestari’ menggunakan kod jawi. Berikut di Jadual 1 adalah keratan sebahagian dari Jadual Kod Jawi yang telah digunakan sebagai sumber utama kajian ini.

Jadual 1: Sebahagian dari Jadual Kod Jawi (Sumber: CRLY00001967, 2014)

No Surah	Nama Surah	Huruf Jawi	Kod Jawi
Surah 1	(قُـمـبـوـكـاءـن) سورة الفاتحة	ا	Aturan
Surah 2	(ساقـي بـتـيـنـا) سورة البقرة	ب	Dasar
Surah 3	(كـلـواريـك عـمـران) سورة آل عمران	ت	Ikatan
Surah 4	(وانـيـتـا) سورة النساء	ث	Hubungan
Surah 5	(هـيـدـغـن) سورة المائدة	ج	Sumber
Surah 5 + 6	(هـيـدـغـن + بـيـنـاتـغ تـرنـق) سورة المائدة+ سورة الأنعام	چ	Sumber dengan sifat
Surah 6	(بـيـنـاتـغ تـرنـق) سورة الأنعام	ح	Sifat
Surah 7	(تـمـغـت تـرـتـيـغـنـي) سورة الأعراف	خ	Pentadbiran
Surah 8	(رـمـقـسـن قـراغـ) سورة الأنفال	د	Hasil
Surah 9	(قـغـمـقـونـن) سورة التوبة	ذ	Pengampunan
Surah 10	(يـونـس) سورة يونس	ر	Yakin
Surah 11	(هـود) سورة هود	ز	Mentauidkan aturan
Surah 12	(يـوسـوف) سورة يوسف	س	Prinsip
Surah 13	(كـورـوـه) سورة الرعد	ش	Penegasan
Surah 14	(اـبـراـهـيـم) سورة إبراهيم	ص	Sikap
Surah 15	(اـلـحـجـر) سورة الحجر	ض	Pengurusan sumber tenaga
Surah 16	(اـلـبـه) سورة النحل	ط	Kaedah pengurusan
Surah 17	(اـسـرـاء) سورة الإسراء	ظ	Imbas
Surah 18	(كـوا) سورة الكهف	ع	Strategi
Surah 19	(مـريـم) سورة مريم	غ	Teknologi
Surah 19 + 20	(مـريـم + طـه) سورة مريم + طه	غ	Teknologi pengurusan
Surah 20	(طـه) سورة طه	ف	Kaedah pengurusan mentauidkan dasar

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bagi memahami maksud dan ciri-ciri yang terdapat di dalam perkataan ‘pembangunan lestari’, setiap satu huruf yang terdapat di dalam ejaan perkataan itu di kod jawikan. Jadual 2 adalah perincian setiap huruf yang telah dikodkan.

Jadual 2 : Tafsiran Kod Jawi ke atas perkataan ‘Pembangunan Lestari’

Huruf	Kod jawi	Perincian Kod Jawi dalam bentuk ayat
ف	Kaedah pengurusan mentauhidkan hasil	Pembangunan (قَمْبَاغُونَن) Punyai kaedah pengurusan mentauhidkan hasil dengan adanya pedoman (جِهَائِي: punyai sumber dengan sifat, punyai jemaah untuk diatur berlandaskan tanda-tanda kejayaan), dasar untuk mengatur berlandaskan teknologi pengurusan yang jelas. Punyai pembeza dengan adanya hasil yang jelas aturan (نن\ ن ٢: دوا)
م	Pedoman (جِهَائِي)	
ب	dasar	
ا	aturan	
غ	Teknologi pengurusan	
و	jelas	
ن	pembeza	
ن	pembeza	
د	hasil	
و	jelas	
ا	aturan	
		Lestari (لَسْتَارِي) Punyai orang-orang beriman yang ada prinsip, sistem rangkaian dengan adanya aturan berlandaskan keyakinan yang ada tanda-tanda kejayaan.
ل	Orang-orang yang beriman	
س	prinsip	
ت	Ikatan/ Sistem rangkaian	
ا	aturan	
ر	yakin	
ي	Tanda-tanda kejayaan	

Bagi memahami perincian maksud dan ciri-ciri yang terdapat di dalam perkataan ‘pembangunan lestari’, setiap satu huruf yang terdapat didalam ejaan perkataan itu di kodkan jawi. Jadual 2.0 adalah perincian setiap huruf yang telah dikodkan.

Makna ‘pembangunan lestari’ dapat diperhalusi melalui tafsiran kod jawi. Berdasarkan Jadual 2. Perincian tafsiran akan dibuat untuk setiap perkataan yakni perkataan ‘pembangunan’ (قَمْبَاغُونَن) dan ‘lestari’ (لَسْتَارِي). Penggunaan perkataan ‘pembangunan’ ini luas dan dapat digunakan dalam pelbagai keadaan. Berdasarkan tafsiran kod jawi, setiap ‘pembangunan’ yang dibuat itu, perlu ada ‘kaedah pengurusan mentauhidkan hasil dengan adanya pedoman’ (قَم). Ini bermakna apa sahaja ‘pembangunan’ yang kita akan laksanakan mesti ada ‘kaedah pengurusan’ bergantung kepada apa yang akan dibangunkan (Sarkar,B., 2022) dan ‘untuk mentauhidkan hasil (fokus untuk pencapaian hasil berdasarkan aturan Allah)’ yang akan diperolehi di akhirnya nanti dengan pedoman yang tepat.

Di dalam tafsiran kod jawi perkataan ‘pedoman’ terkait langsung dengan Surah An-Nur yakni cahaya جِهَائِي. Ini bermakna pedoman yang diperlukan untuk pembangunan ini mesti ada (ج) sumber dengan sifat yakni ‘sumber’ dari Al-Quran, Sunnah dan sumber-sumber lain yang berkaitan (seperti contoh: polisi, garis panduan pembangunan setempat)(Wang,Y., 2022) yang

akhirnya akan membentuk ‘sifat’ pembangunan tersebut. Ini adalah kerana setiap sesuatu telah ada ketetapan dan pasti ada petunjuk pimpinan Allah dari Al-Quran (Surah Al-Qamar 54:3, Al-Quran)

Surah Al-Qamar, Verse 3:

وَكَذَّبُوا وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ وَكُلُّ أَمْرٍ مُسْتَقَرٌّ

Dan mereka mendustakan (Nabi) dan mengikuti hawa nafsu mereka, sedang tiap-tiap urusan telah ada ketetapan

Jadinya, tindak tanduk yang akan dilaksanakan perlu berdasarkan pedoman yang dipimpin petunjuk dari Al-Quran dan Sunnah. Seterusnya, di dalam sesuatu pembangunan pasti adanya ‘Jemaah untuk diatur (هـ) ataupun pekerja-pekerja yang perlu dan bersedia untuk diatur berlandaskan tanda-tanda kejayaan (ي) barulah pembangunan itu akan mencapai matlamat akhirnya (Yusmarwati, Y et.al, 2022). Di dalam kod jawi, huruf ya (ي) terletak pada surah Ar-Rum (Bangsa Rum) dan surah ini menceritakan tentang kejayaan bangsa Rum yakni satu kepimpinan empayar yang sangat hebat tanda-tanda kejayaannya. Bagi mengatur Jemaah/pekerja dengan tanda-tanda kejayaan memerlukan komitmen dari semua pihak dari peringkat kepimpinan sehinggalah ke peringkat pekerja yang paling bawah dan ini dapat kita contohi dari ciri-ciri kepimpinan yang baik terdapat di dalam Bangsa Rum, yang buruk darinya perlu kita hindari (Manders, E and Sloodjes, D., 2020).

Seterusnya di dalam usaha ‘pembangunan’ itu perlu adanya ‘dasar untuk mengatur’ (ب). Huruf ba (ب) terkait langsung dengan Surah Al-Baqarah yang menggariskan dasar-dasar penghidupan (sosial) dan perekonomian. Dasar yang digariskan mesti spesifik kepada sesuatu keperluan pembangunan itu seperti contoh jika pembangunan itu terkait dalam bidang kesihatan dasar-dasar yang digariskan mestilah penting untuk memenuhi keperluan asas kesihatan. Jika ia melibatkan pembangunan terkait alam sekitar, dasar-dasar yang digariskan perlu memenuhi asas keseimbangan alam sekitar (Kementrian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, 2002). Dengan adanya dasar ini mereka yang mengetuai atau pemimpin pembangunan ini akan dapat mengatur setiap urusan dengan lebih baik. Seterusnya, untuk mengatur setiap urusan perlu mengenalpasti penggunaan ‘teknologi pengurusan yang jelas (غ) yakni pemilihan teknologi yang tepat untuk melancarkan lagi urusan. Sebagai contoh penggunaan software *Building Information Management* (BIM) semakin meluas digunakan dalam pengurusan projek yang melibatkan banyak konsultan supaya perjalanan projek akan lebih efektif dan komprehensif serta dapat dipantau dengan lebih baik tugas setiap konsultan. Akhirnya apabila setiap langkah diatas telah diikuti pasti akan dapat membuahkan ‘hasil yang jelas aturan’nya (ن:دوا).

Seterusnya tafsiran kod jawi pada perkataan ‘lestari’ dapat menjelaskan bahawasanya untuk mencapai pembangunan lestari kita memerlukan ‘orang-orang yang beriman yang ada prinsip’ (ل). Contoh orang-orang yang beriman ini dapat kita lihat nilainya dalam kepimpinan Kerajaan Empayar Melaka terdahulu (Maryam Syafiqah, M.S dan Jamilah, O., 2017). ‘Orang-orang yang beriman (ل) yang ada prinsip (س) adalah orang-orang yang yakin dengan Al-Quran sebagai panduan kehidupan dan berprinsip untuk melaksanakan aturan yang ada di dalam Al-Quran. Dengan adanya Al-Quran sebagai panduan pastinya keputusan yang dibuat bukan mengikut nafsu tetapi berdasarkan petunjuk dan prinsip yang Allah pimpin. Huruf sin (س) terkait langsung dengan Surah Yusuf. Prinsip-prinsip yang ada pada Nabi Yusuf itu perlu diteliti dan perlu ada pada setiap yang ingin melaksanakan pembangunan lestari. Dari sini dapat dilihat bahawa,

untuk mencapai keadaan yang lestari itu – perlu mula dengan pembangunan diri/ individu. Perlu diterapkan prinsip-prinsip yang betul dari kecil seperti mana Nabi Yaakob mendidik Nabi Yusuf supaya mempunyai akhlak dan prinsip yang paling balik dari kecil lagi hingga dia berjaya menjadi pemimpin di Negeri Mesir.

Bagi mencapai pembangunan lestari, ciri seterusnya yang perlu ada adalah ‘sistem rangkaian dengan adanya aturan’ (نظام) – sistem rangkaian ini melibatkan sistem rangkaian alam semesta/ ekologi yang merangkumi sistem rangkaian manusia itu sendiri. Semuanya ini perlu berada di dalam aturan yang betul. Sebagai contoh sistem rangkaian ekologi yang ada tidak diganggu aturannya; Jumlah air yang diturunkan dari langit perlu terpeluwap dalam jumlah yang sama dan ini bermakna tidak boleh ada sebarang gangguan perjalanan air hujan yang turun mengalir dari sungai ke laut (Inglezakis V.J et. al, 2016). Sebarang gangguan sepanjang perjalanan ini akan mengganggu sistem rangkaian ekologi yang ada di sungai dan laut. Ini akan memberi kesan ketidakstabilan kepada sistem rangkaian yang ada. Apabila sistem rangkaian yang ada itu mengikut aturan yang betul, ini akan membolehkan sesuatu pembangunan itu bertahan lama dalam jangka masa yang panjang. Contoh yang kedua dapat dilihat sistem rangkaian sesama manusia seperti dalam sebuah organisasi. Dalam sesebuah organisasi pastinya ada sistem rangkaian antara pekerja-pekerja dan entiti yang terlibat. Jadinya, amatlah penting untuk sistem rangkaian ini berada di dalam aturan yang betul untuk organisasi itu lebih lestari dan bertahan lama (Samson, K & Bhanugopan, R, 2022). Sebagai contoh jika berlaku kepincangan aturan di dalam sistem rangkaian ini seperti rasuah, riba dan sebagainya, ini akan membuatkan organisasi ini tidak bertahan lama dan boleh runtuh bila-bila masa.

Akhirnya, untuk mewujudkan pembangunan yang lestari, orang-orang yang beriman tadi perlu mempunyai ‘keyakinan dengan adanya tanda-tanda kejayaan’ (ثقة). Keyakinan hanya akan hadir apabila seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat dan betul yang boleh memberi tanda-tanda kejayaan apabila dipraktikkan (Kuo, Y et.al..2021). Sebagai contoh untuk kita membangunkan sistem penuaian air (*water havesting*) bagi pembangunan yang lebih lestari, pasti seseorang itu perlu memahami ilmu yang spesifik terkait sistem ini untuk dia menyakini bagaimana ia boleh menghasilkan sistem yang terbaik. Dengan mempunyai ilmu yang tepat dan betul pastinya akan boleh memberi manfaat kepada kemashlahatan ummah dalam jangka masa yang panjang. Yakin dan percaya itu adalah keimanan. Kunci utama keimanan itu datangnya dari Al-Quran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bagi setiap insan dapat berpegang kepada ilmu Al-Quran dan ilmu aqli yang bersesuaian dengan pembangunan yang bakal dibuat untuk dipraktikkan supaya dapat memperolehi kejayaan diakhirnya. Jika kita tidak praktikkan ilmu yang tepat dan betul – tindak tanduk kita akan meragukan dan ini boleh membawa kepada kerosakan diri dan alam sekitar yang akhirnya akan menyebabkan satu-satu pembangunan itu tidak lestari.

Kesimpulan

Dapat diperhatikan bahawasanya dengan menggunakan kod jawi, perkataan ‘pembangunan lestari’ itu dapat diperincikan maksudnya secara komprehensif dan ciri-ciri yang ada padanya. Dengan adanya maklumat perincian ini akan membolehkan setiap diri atau organisasi yang terlibat dalam sesuatu pembangunan itu akan dapat bertindak untuk mencapai ciri-ciri sebenar pembangunan lestari. Dengan menggunakan kod jawi, setiap perkataan yang dikodkan akan boleh memberi maksud yang lebih mendalam dan kod jawi ini dapat diaplikasikan dalam pelbagai bidang ilmu. Ini akan membolehkan penerokaan kepada ilmu baru dapat dibuat secara meluas apabila kod jawi ini diaplikasikan.

Rujukan

- Al-Quran Terjemahan (Terjemahan Indonesia)*, Kompleks Percetakan Al Quran Raja Fahd, Kementerian Urusan Agama Islam, Wakaf, Dakwah dan Bimbingan Islam Kerajaan Arab Saudi
- CRDV00000066, (2016) *Pembangunan kepada Asas Pembinaan Sistem Kewangan Islam Melalui Asas Sistem Tabungan Melalui Aplikasi oleh Skim Tabungan Ibadah Qurban dalam Talian (STIQDAT)*, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)
- CRDV00000190, (2018) *Kajian Kandungan Batu Bersurat Terengganu Berdasarkan Metodologi Bacaan Ketetapan, Jadual Waktu, Kod Jawi dan Garis Masa Hijrah*, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)
- CRLY00001967, (2014), *Kod Jawi*, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)
- Inglezakis V.J et. al, (2016). *Hydrological Cycle, Aquatic Environment in Stavros G. et.al Environment and Development: Basic Principles, Human Activities, and Environmental Implications*. Pages 137-212. Elsevier <https://doi.org/10.1016/B978-0-444-62733-9.00003-4>
- Kementrian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (2002). *Dasar Alam Sekitar Negara*. Kementrian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. ISBN 983-9119-82-6
- Kuo,Y et.al.(2021). *Corporate social responsibility, enterprise risk management, and real earnings management: Evidence from managerial confidence*. Finance Research Letters. Volume 41, July 2021, 101805 <https://doi.org/10.1016/j.frl.2020.101805>
- Manders, E and Slootjes, D., 2020. *Leadership, Ideology and Crowds in the Roman Empire of the Fourth Century AD*. pg 9-18 ISBN 978-3-515-12404-1
https://media.dav-mediend.de/sample/9783515124072_p.pdf
- Maryam Syafiqah, M.S dan Jamilah, O. (2017). *Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin*. Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN). Jilid 5/Jan/2017, pg 171-192. ISSN: 2289-5000
- Nurul Syala A.L (2018) *Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi dalam Menghadapi Era Globalisasi*, Jurnal Sains Insani. Vol3.No.1. Pg 38-45
- Ramos, B.T et.al (2018) *How are new sustainable development approach responded to societal challenges*, Sustainable Development, Vol 26, pg 117-121
- Sarkar, B (2022). *Challenges and opportunities in sustainable management of microplastics and nanoplastics in the environment*, Environmental Research. Vol 207
Doi: <https://doi.org/10.1016/j.envres.2021.112179>
- Samson, K & Bhanugopan, R, (2022). *Strategic Human Capital Analytics And Organisation Performance: The Mediating Effects Of Managerial Decision-Making*. Journal of Business Research. Volume 144, May 2022, Pages 637-649
Doi: <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2022.01.044>
- Wang,Y. (2022), *Has the Sustainable Development Planning Policy Promoted the Green Transformation in China's Resource-based Cities? Resources, Conservation and Recycling*. Vol 180. May 2022. <https://doi.org/10.1016/j.resconrec.2022.106181>
- Yusmarwati,Y et.al (2022). *Readiness of Construction Organizations Towards Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)*. ANP Journal Of Social Science And Humanities Vol. 3 No. 1 (2022) 24-32. Doi: <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3i1.4.2022>
- Zakri (2018), *Sustainable Development Goals: Are we on track?* New Straits Times, July 23, @ 11:40am

Online:

<https://worldpopulationreview.com/country-rankings/suicide-rate-by-country>